


(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

30 JUL POT LUCK KEISTIMEWAAN RUMAH TERBUKA 1USM



PULAU PINANG, 30 Julai 2015 – Konsep "Pot Luck" yang melibatkan pelbagai pusat tanggungjawab universiti yang menyumbangkan pelbagai juadah untuk dikongsi bersama-sama dalam usaha menjadikan sambutan sebagai milik bersama merentasi jabatan yang ada untuk mengerakkan silaturrahim berjaya dibuktikan dalam Majlis Sambutan Aidilfitri 1USM.

Demikian kata Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr. Omar Osman ketika menyampaikan ucapan alu-aluan bersempena Sambutan Aidilfitri Peringkat USM, di sini, hari ini.




Tidak kurang dari 5,000 orang warga USM membanjiri Permatang Pelajar dan sekitar Bangunan Canselori II seawal jam 2.00 petang dan semua juadah habis sekitar jam 5.30 petang. Tetamu turut dihiburkan oleh pemuzik Pusat Pengajian Seni dan Dewan Budaya.

Menurut Omar, sambutan Aidilfitri berupaya mengukuhkan kasih sayang, memberi dan menerima serta bersyukur dengan apa yang ada untuk dikongsi bersama.

"Dalam majlis-majlis seperti ini juga, kita berusaha mengetengahkan hasil-hasil penyelidikan untuk menunjukkan bagaimana pelbagai produk yang ada dapat dikongsi dan dirasa bersama, malah ini hanyalah sebahagian kecil yang dapat kita tunjukkan walaupun biskut cendawan misalnya telah mendapat pengiktirafan di luar negara dan kini sedang dikomersialkan," kata Omar lagi.



Tegasnya lagi, ini adalah sebahagian usaha USM untuk merakyatkan penyelidikan untuk faedah masyarakat seperti mana kejayaan memindahkan ilmu untuk pelbagai komuniti agar semua pihak dapat menikmati manfaat hasil penyelidikan-penyeleidikan tersebut.



Tambah Omar lagi, selari dengan semangat kembali kepada fitrah dalam sambutan Aidilfitri ini, terdapat pasukan kerja USM yang kini berada di Kathmandu, Nepal untuk memberikan khidmat komuniti di sana untuk mengadakan projek satu rumah RM1,000 setelah berlakunya gempa bumi yang memusnahkan harta benda dan nyawa dan ini membuktikan USM benar-benar turun padun dan memaknakan usaha merakyatkan ilmu dan penyelidikan ini.

Naib Canselor turut menzahirkan rasa bangga terhadap usaha yang telah dilakukan para staf USM khususnya dalam usaha untuk mendekatkan universiti dengan komuniti termasuklah membantu anak-anak yatim, asnaf yang memerlukan, ibu tunggal, pesakit di hospital, Orang Kelainan Upaya dan mereka yang bertugas di hari raya, kempen menderma darah malah juga yang membantu mereka yang memerlukan termasuklah kutipan kilat.



Majlis Sambutan Aidilfitri 1USM juga turut diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas bersama-sama Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Shariff yang diiringi dengan konvoi motosikal berkuasa besar USM Super Bikers.



Yang hadir sama ialah Pengurus Lembaga Gabenor (LGU) USM, Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dan isteri Puan Sri Datin Norida Nachara Hamat; isteri Naib Canselor USM, Datin Noraizan Jamaludin; Timbalan-timbalan Naib Canselor dan isteri; Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yussof Latiff; ahli-ahli LGU, Pengarah Kampus Kejuruteraan Profesor Dr. Zainal Ariffin Ishak, dekan-dekan, ketua-ketua jabatan dan para pegawai utama universiti.

Teks: Siti Naquiah Binti Abdillah/Foto: Mohd.Fairus Md.Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015